



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

12 Februari 2016 / 3 Jamadilawal 1437H

Kesyukuran Membawa Ketenangan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Berapa sering kah kita mengambil sedikit masa menghitung nikmat yang ada pada kita? Bilakah kali terakhir kita benar-benar merasakan kesyukuran dan begitu sekali menghargai hakikat kita ini masih lagi dikurniakan Allah peluang agar dapat kembali bertakwa kepadaNya? Jika selalu, maka Alhamdulillah. Jika sebaliknya marilah kita bersama pada saat ini melafazkan Alhamdulillah atas nikmat keimanan dan ketakwaan. Mudah-mudahan dengan demikian Allah menambahkan kekuatan

kepada kita agar istiqamah melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi laranganNya.

Saudara,

Pernah suatu ketika, diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. memegang tangan Saidina Muaz r.a. lalu berkata: *“Wahai Muaz! Demi Allah, sesungguhnya aku mengasihimu”*. Muaz berkata: *“Aku juga demi Allah, mengasihimu wahai Rasulullah”*. Rasulullah s.a.w. lalu bersabda: *“Aku berwasiat kepadamu agar jangan kamu tinggalkan doa ini setiap kali selesai solat;*

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Yang bermaksud: *“Ya Allah, bantulah aku untuk mengingati-Mu, bersyukur kepada-Mu dan menunaikan sebaik-baik ibadah kepada-Mu.”* [Hadith riwayat Abu Daud dan An-Nasa’i]

Saudara,

Pada minggu lalu kita telah diingatkan bagaimana Nabi s.a.w. mampu melaksanakan solat sehingga pecah-pecah kakinya kerana didorong rasa kesyukuran kepada Allah. Hari ini pula kita melihat bagaimana Nabi s.a.w. inginkan sangat agar umatnya juga dikurniakan nikmat kesyukuran sedemikian. Baginda mengajarkan kepada sahabat yang dikasihinya agar memohon bantuan kepada Allah untuk menjadi hamba yang bersyukur. Saudara, selain daripada memberikan seorang insan dorongan dan inspirasi luar biasa untuk melakukan

kebaikan dan kebajikan, sifat syukur juga pada hakikatnya boleh menimbulkan dalam diri kita ini ketenangan dan kedamaian. Bagaimanakah ia dapat memberikan kesan demikian?

Dalam kita bersyukur saudara, kita perlu selalu menghitung dan memikirkan nikmat yang telah Allah anugerahkan kepada kita. Bahkan setiap kali kita merasa hampa mahupun putus semangat, ingat semula segala kenikmatan yang telah dan masih Allah kurniakan. Ini merupakan pengajaran disebalik ayat 11 Surah Ad-Dhuha:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: *“Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan sebagai bersyukur kepadaNya).”*

Yang dimaksudkan dengan menyebut-nyebut nikmat Allah dan menzahirkannya bukanlah dengan menayangkannya semata-mata untuk tontonan orang di laman sosial seperti *Facebook* mahupun *Instagram*. Akan tetapi ia seharusnya, pertama dan utama, kesyukuran itu bermula dengan kita menyebut-nyebut nikmat tersebut dalam diri sendiri. Dengan harapan agar dapat timbul di dalam diri kita bukan hanya perasaan syukur tetapi juga perasaan *“Qana’ah”* atau merasakan puas dan cukup dengan apa yang ada. Terlalu sering saudara, oleh kerana kita

tidak merasakan kepuasan akan perkara material dunia yang sudah kita miliki, maka timbul perasaan tidak tenang. Contohnya, kita sudah mempunyai telefon bimbit yang masih baik dan canggih, akan tetapi kerana kita tidak bersyukur atas nikmat itu, maka kita mula mencari-cari telefon bimbit yang lebih baru. Atau mungkin kita sudah mempunyai kereta yang masih baik keadaannya dan memenuhi keperluan kita dan sekeluarga Alhamdulillah. Namun kerana tidak adanya perasaan qana'ah kita mula menginginkan kereta yang lebih baru dan lebih mahal.

Bukanlah maksud saya tidak boleh kita ini mempunyai keinginan dan cita-cita, namun ia tidaklah seharusnya menyebabkan kita ini, sehingga tidak dapat merasakan kepuasan dan kedamaian dalam kehidupan. Atau lebih buruk lagi, cita-cita untuk meraih kebendaan dunia itu sehingga menyebabkan kita tidak merasa gembira dengan hidup dan keluarga kita, serta menyebabkan kita terjerumus dalam kemudaratan seperti bebanan hutang yang melampau.

Oleh itu saudara, bermula hari ini, renungkan semula segala nikmat yang Allah telah berikan kepada kita. Antara nikmat yang perlu kita hargai selalu adalah keluarga yang masih ada bersama kita. Berapa ramai orang yang mendambakan kehadiran keluarga yang tercinta bersama mereka tapi tidak mendapatkan mereka. Namun, kita kini melihat sebahagian

orang mengabaikan keluarga mereka. Bahkan ada yang sanggup mengkhianati pasangan mereka yang setia mengasihi, merawat dan melayani mereka. Lebih-lebih lagi hari ini dengan kemudahan media sosial, kita menyaksikan bagaimana ia telah disalahguna untuk pasangan berselingkuh dan menjalin hubungan dengan pihak ketiga. Mereka melupakan nikmat mempunyai pasangan yang setia bersama mereka dalam susah mahupun senang.

Hargailah pasangan dan anak-anak kita selagi masih ada peluang kita bersama. Pandanglah wajah mereka, perhatikan gelagat mereka, ingatlah bagaimana mereka pernah suatu ketika, atau mungkin masih lagi membawa tawa dan keriangannya ke dalam hidup kita. Itulah nikmat Allah yang kita kadang-kala terlepas mensyukurinya. Perbanyakkanlah membaca doa yang diajarkan Baginda Nabi s.a.w.

اللَّهُمَّ قَنِّعْنِي بِمَا رَزَقْتَنِي، وَبَارِكْ لِي فِيهِ، وَاخْلُفْ عَلَيَّ كُلَّ
غَائِبَةٍ لِي بِخَيْرٍ

Yang bermaksud: *“Ya Allah, bantulah daku merasakan cukup atau puas dengan rezeki yang telah kau kurniakan kepadaku dan berkatilah daku melaluinya dan gantikanlah bagiku semua yang hilang dariku dengan yang lebih baik.”* (Hadith riwayat Al-Hakim]

Semoga Allah mengurniakan kepada kita kedamaian daripada kesyukuran dan kepuasan dengan apa yang telah dikurniakanNya buat kita dan keluarga. Amin ya Rabbal 'Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.